

# Wadah MAIPK



MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

Edisi Ketiga 2011

Bilangan 06

[www.maiamp.gov.my](http://www.maiamp.gov.my)



*Penyerahan*

ZAKAT PERNIAGAAN  
& TANAMAN



**SEKOLAH AGAMA RAKYAT  
ORANG ASLI NURUL HIDAYAH**

• SUDUT EDITOR •

## SIDANG REDAKSI

### Penasihat

Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin b. Syed Ikhsan

### Ketua Editor

En. Mohd Haidi b. Sulaiman

### Editor

En. Wan Abdul Halim Hafiidz b. Mohd Amin

### Penolong Editor

Cik Fatin Amira bt. Azman

### Jurufoto

En. Aizat b. Sabri

En. Mohd Sharizal b. Mat Sah

### Editor Bersekutu

Bahagian Zakat

Bahagian Hartanah

Bahagian Khidmat Pengurusan

### Edaran

Unit Korporat dan Keurusetiaan

Bahagian Khidmat Pengurusan

### Diterbitkan oleh

Unit Korporat dan Keurusetiaan

Bahagian Khidmat Pengurusan

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan

30000 Ipoh, Perak.

Tel: 05-208 4000 Faks: 05-241 4257

### Laman web

[www.maiamp.gov.my](http://www.maiamp.gov.my)

### Emel

[korporat@maiamp.gov.my](mailto:korporat@maiamp.gov.my)

© Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluar ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau diisarkan, dalam apa-apa jua cara, sama ada lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Wadah MAIPk. Sidang Editor mengalu-alukan sebarang artikel dan penulisan yang bermanfaat. Sidang Editor berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya.

## KANDUNGAN

Sudut Editor 2 • Semasa 3

Mutiara Perdana 4

Semasa 5 & 6 • Info Sejarah 7

Berita Sana Sini 8 & 9

Semasa 10 • Info Zakat 11

Info Agihan 12, 13 & 14

Pemantapan Organisasi 15

Info Majlis 16

### \* PEMBETULAN

Nama persatuan yang mengendalikan Cure and Care Service Centre (CCSC) ialah Warisan Cahaya Gemilang. Bukan sepetitama yang dipaparkan pada muka surat 12, buletin WADAH MAIPk Edisi 02/2011 Bilangan Kelima. Kesilapan yang berlaku amat dikesali.

*Dari Moja  
Ketua Editor*



Assalamualaikum wbt  
dan salam sejahtera

Alhamdulillah, segala puji-pujian hanya untuk Allah Tuhan sekalian alam. Salam dan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, penghulu segala nabi, keluarga baginda, para sahabat serta seluruh muslimin dan muslimat yang telah pergi dan yang masih hidup. Alhamdulillah, sekali lagi Wadah MAIPk edisi ketiga bagi tahun 2011 dapat diterbitkan untuk berkongsi maklumat dan aktiviti MAIPk dengan masyarakat Islam. Mudah-mudahan, dengan penerbitan Wadah MAIPk dapat memberikan maklumat-maklumat dan informasi penting kepada masyarakat.

Untuk terbitan Wadah MAIPk kali ini, Sidang Editor memberikan fokus terhadap senarai nama penerima bantuan yang menerima pelbagai bantuan dari MAIPk. Sebahagian daripada penerima-penerima bantuan disiarkan namanya agar pembaca dapat mengenali penerima-penerima bantuan dari MAIPk yang tinggal berdekatan dengan pembaca. Di samping itu, pembaca juga dapat mengetahui dengan teliti bentuk pemberian bantuan yang disalurkan oleh pihak MAIPk.

Pada kesempatan ini, saya mewakili Sidang Editor ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesedaran dan kesungguhan pembaca dan masyarakat menunaikan zakat pada tahun ini. Peningkatan pungutan zakat yang diterima saban tahun akan menyebabkan pelbagai program dan bantuan dapat disampaikan kepada asnaf yang layak. Oleh itu, matlamat kita bersama bagi mengurangkan golongan fakir dan miskin dalam Negeri Perak akan dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.

**TAHNIAT!**

Pada kesempatan ini, Sidang Editor ingin merakamkan ucapan tahniah di atas pelantikan YBhg. Dato' Sheikh Mohamah Nor bin Mansor sebagai Pegawai Agama MAIPk pada 16 September 2011 dan pelantikan YBhg. Dr. Afifi Al-Akiti, Felo Pusat Pengajaran Islam, Oxford Centre for Islamic Studies, United Kingdom sebagai Orang Besar Lapan dengan gelaran Orang Kaya Kaya Imam Paduka Tuan pada 01 Disember 2012. Semoga dengan pelantikan ini dapat memajukan lagi agama dan umat Islam di Negeri Perak.

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan, Raja Dr. Nazrin Shah bertitah bahawa kegiatan membangunkan ekonomi ummah secara lestari hendaklah diberi keutamaan. Ia menuntut kepada penelitian semula corak dan bentuk program yang dilaksanakan oleh MAIP dan JAIP terutama kegiatan berkaitan ekonomi, dari segi peranan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Perak, zakat, baitul mal dan pengurusan dana. Perhatian hendaklah ditekankan kepada hasil (output) dan impak setiap program yang dilaksanakan dan setiap perbelanjaan yang dikeluarkan. Pengauditan yang dilakukan hendaklah tidak sekadar melihat perimbangan angka di baucar dan resit, tetapi turut menilai keberhasilan program dari segi kualiti dan impak untuk mencapai matlamat.

"Dalam wawasan MAIPk dan JAIPk untuk dapat memberi impak yang lebih bermakna, kedua-dua organisasi hendaklah meletakkan Indeks Pencapaian Utama yang lebih dinamik. Budaya pengurusan yang sedia ada perlu dirombak, budaya kerja 'business-as-usual' hendaklah diubah dalam setiap kegiatan yang dianjurkan. Setiap tahun, Beta berangkat ke Majlis-Majlis yang dianjurkan oleh MAIPk begitu juga JAIPk; antaranya termasuk acara-acara perayaan seperti 'Maulidur Rasul' dan 'Maal Hijrah'. Banyak masa dan perbelanjaan yang digunakan. Program berbentuk ritual sedemikian, sekadar memenuhi takwim tahunan sangatlah luaran sifatnya, tidak mempunyai roh yang dapat menyentuh hati dan perasaan hadirin dan tentunya tidak kesampaian untuk memenuhi matlamat. Malah para peserta yang datang juga bersifat sekadar memenuhi keperluan jemputan, gagal dipuaskan oleh pengaruh dengan santapan rohani.

## Pembangunan Ekonomi UMMAH

- DYT M RAJA MUDA PERAK DARUL RIDZUAN

Jika tidak dilakukan penambahbaikan acara, maka program yang dijalankan tidak mungkin mencapai objektif, bermakna setiap perbelanjaan wang negeri untuk membayainya bolehlah dianggap satu perbelanjaan yang tidak memberikan pulangan malah membazirkan sumber. MAIPk dan JAIPk hendaklah melakukan pendekatan baru dengan memberi imej dan kandungan (*content*) baru kepada program-program yang bakal dianjurkan dalam tahun 2012. Kandungan dan tempat program yang bakal dianjurkan, hendaklah dirancang lebih awal dan lebih teliti dan setelah diputuskan di peringkat jawatankuasa, hendaklah terlebih dahulu dipersembahkan untuk mendapat ulasan, pandangan dan perkenan Beta terutama dari segi implikasi kewangan. Percambahan minda yang mendalam hendaklah dilakukan dan minda hendaklah dibawa keluar menerokai alam yang lebih luas dan dibebaskan dari parameter pemikiran lama."

"Kemiskinan warga adalah satu cabaran utama. Kemiskinan yang gagal diatasi secara berkesan akan menambahkan kejadian jenayah, menjelaskan ketenteraman awam dan mempengaruhi kestabilan politik.

Usaha untuk mengatasi kemiskinan hendaklah dimulakan dari dalam rumah sendiri. Pengurusan MAIP dan JAIP sewajarnya melakukan bancian atau tinjauan sama ada kemiskinan turut berlaku di kalangan kakitangannya sendiri, terutama di kalangan mereka yang berjawatan rendah, dengan gaji yang rendah tetapi mempunyai tanggungan yang berat. Beta berpendangan kebijakan wajib dimulakan dari dalam rumah sendiri," titah Baginda semasa Persidangan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak Kali Ke-177 di Dewan Persidangan, Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 10 Oktober 2011.

Lantaran itu, Baginda menyarankan supaya pengurusan MAIPk dan JAIPk melakukan soal selidik atau tinjauan akan status pendapatan berbanding tanggungan di kalangan kakitangan masing-masing terutama di kalangan mereka yang berpendapatan rendah. Pengurusan MAIPk dan JAIPk harus merangka program tanggungjawab sosial korporat di kalangan kakitangannya. Langkah membasmi kemiskinan hendaklah dimulakan di dalam organisasi MAIPk dan JAIPk sendiri.



# PETIKAN TITAH DULI YANG TERAMAT MULIA RAJA MUDA PERAK DARUL RIDZUAN, YANG DIPERTUA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK SEMPENA PERSIDANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK PADA TAHUN 2007

## HARGA SEBUAH KEAMANAN

"Isu pertukaran agama masih lagi hangat diperkatakan dan sekali lagi desakan bagi mengkaji Perlembagaan Persekutuan dan semua perundungan yang berkaitan dikemukakan kepada pihak kerajaan. Beta mengharapkan adanya satu kesepakatan di antara para ulamak dan ahli politik untuk menangani isu ini dengan penuh kebijaksanaan agar ketinggian Islam sebagai agama rasmi dan ketuanan melayu terus dipelihara. Beta merasa amat bimbang jika isu ini tidak ditangani dengan sebaik mungkin ianya akan mendatangkan kerugian kepada umat Islam dan boleh menimbulkan pergeseran di antara kaum. Keamanan yang sedang dinikmati pada hari ini mestilah sentiasa dipertahankan kerana tanpa wujudnya keamanan semua perancangan ke arah kemajuan akan tergantala. Hanya mereka yang pernah mengalami betapa peritnya berada dalam zaman huru-hara akan menghargai nikmat keamanan ini. Beta mengharapkan sokongan dan kerjasama daripada semua lapisan jentera kerajaan, badan bukan kerajaan dan orang ramai bagi meningkatkan lagi syiar Islam terus dikekalkan dan dipertingkatkan."

- Persidangan MAIPk kali Ke-153

## MASJID DAN KEBERKESANANNYA

"Beta berulang kali telah melafazkan titah mahu melihat masjid berperanan lebih aktif, lebih dinamik dan lebih bermakna dalam memenuhi tanggung jawab serta usaha memperkayakan ilmu dan pengetahuan ummah di luar tajuk-tajuk agama. Tema-tema ceramah menyentuh kesihatan dan pemakanan, pelaburan dan ekonomi, pencemaran dan alam sekitar dan pelbagai lagi harus dianjurkan mengisi program-program ilmu di masjid-masjid. Dalam menghadapi ancaman pencemaran air yang semakin mengancam kesihatan insan, program Pencegahan pencemaran dan pengawalan alam sekitar amat bertepatan untuk diadakan di masjid-masjid; apatah lagi bagi perkampungan dan mukim yang berada di pinggir-pinggir sungai.

Dalam menganjurkan program-program pembangunan minda, Jabatan Agama Islam hendaklah melaksanakannya secara berintegrasi dengan agensi-agensi lain baik dari sektor awam maupun swasta. Jabatan Agama Islam menerima hakikat bahawa mereka tidak memiliki kepakaran dalam semua bidang dan oleh itu perlu menjalinkan rangkaian kerjasama dengan agensi-agensi lain dalam usaha memajukan ummah. Beta merasakan terdapat jurang yang masih jauh antara harapan dengan tahap pencapaian. Usaha-usaha lebih agresif, bersungguh dan terarah hendaklah ditingkatkan supaya perkara yang telah disarankan disusuli secara lebih bersungguh."

- Persidangan MAIPk kali Ke-154

## KEBIJAKSANAAN VS TEKNOLOGI MAKLUMAT

"Isu-isu agama dan antara agama perlu ditangani secara bijaksana – secara rasional, secara mesyuarah – secara konsultasi; apatah lagi jika isu-isu tersebut boleh menimbulkan keghairahan dan berunsur provokatif. Isu-isu sensitif berhubung agama dan antara agama, perlu terlebih dahulu dibincangkan dalam forum tertutup secara bertanggung jawab tanpa perlu penghebohan. Tanggung jawab mengurus isu sensitif berhubung agama dan antara agama perlu dilaksanakan dengan keinsafan akan kemungkinan implikasi negatif yang mungkin dicetuskan. Oleh itu semua pihak terutama barisan pemimpin, para ilmuwan dan pihak media mempunyai tanggung jawab besar untuk saling membantu mengurus isu-isu sensitif agama dan antara agama secara bijaksana.

Persidangan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak ini merupakan antara forum yang baik untuk membincangkan isu-isu berkaitan agama, juga antara agama. Oleh itu, selain dari membincangkan perkara-perkara yang disediakan oleh urus setia, Beta menjemput ahli-ahli persidangan atas nama individu atau agensi yang diwakili untuk mengemukakan kertas-kertas perbincangan dalam persidangan ini. Kepelbagai pengalaman dan latar belakang ahli-ahli, jika dapat dirangkum dan disatukan akan dapat menghasilkan formula dan pendekatan untuk membantu usaha pembangunan umat Islam secara khusus, negeri dan negara ini secara keseluruhan."

- Persidangan MAIPk Kali Ke-155

## PEMBASMIAN KEMISKINAN DAN PENINGKATAN ILMU

"Pihak pengurusan Majlis telahpun menyediakan Bajet Tahun 2007. Peruntukan yang disediakan turut merangkumi program pembasmian kemiskinan dan peningkatan ilmu. Penyelarasannya hendaklah dilakukan dengan peruntukan daripada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri agar dana yang disediakan itu benar-benar memberikan manfaat dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

Pada hemat Beta, program-program yang disusun bagi pembasmian kemiskinan mestilah lebih bersifat jangka panjang dan tidak lagi terbatas kepada program berbentuk rutin. Golongan fakir dan miskin perlu dilibatkan secara aktif dalam kegiatan ekonomi secara produktif dan dalam program-program pembangunan tanah. Peluang secukupnya mestilah disediakan untuk membawa mereka keluar dari belenggu kemiskinan. Matlamat akhirnya adalah untuk membasmi kemiskinan sepenuhnya. Masyarakat sifar miskin boleh dicapai dan wajib dicapai."

- Persidangan MAIPk Kali Ke-156



## *Majlis Penyerahan* **ZAKAT PERNIAGAAN dan TANAMAN**

**08 DISEMBER** – Satu majlis iaitu Majlis Penyerahan Cek Zakat Perniagaan Dan Tanaman telah diadakan di Istana Perak, Changkat Persekutuan, Kuala Lumpur. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh DYTM. Raja Muda Perak, Raja Dr. Nazrin Shah. Baginda mewakili Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) menerima cek-cek zakat tersebut.

Pada majlis tersebut, sebanyak tujuh (7) buah syarikat telah menyerahkan zakat perniagaan dan tanaman berjumlah keseluruhan RM3,064,663.61. Syarikat-syarikat yang membayar zakat pada majlis tersebut ialah Felcra Berhad Wilayah Perak berjumlah RM1,268,673.17, Maybank Islamic Berhad berjumlah RM600,000.00, Bank Persatuan Malaysia Berhad berjumlah RM410,521.73, Proton City Development Corporation Sdn.

Bhd berjumlah RM291,008.00, Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI) berjumlah RM267,168.48, Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad berjumlah RM127,292.23 dan MIDF Property Berhad berjumlah RM100,000.00.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh YAB. Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, Dato' Seri Diraja Dr. Zambray bin Abd. Kadir, YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Perak, Dato' Ahmad Kamal bin Md. Shahid, Anggota MAIPk, YBhg. Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed, YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk dan YBhg. Tuan Haji Yusop bin Haji Husin, Pengarah Jabatan Agama Islam Perak.

**29 DISEMBER** – MAIPk telah mengadakan Program Hi-Tea bersama Ahli Jawatankuasa Baitulmal dan Media yang bertempat di Hotel Heritage, Jalan Raja Dihilir, Ipoh, Perak. Program tersebut diadakan bagi mengukuhkan kerjasama di antara pekhidmat MAIPk dengan Ahli Jawatankuasa Baitulmal dan Media. Di samping itu, prestasi semasa pungutan dan agihan zakat bagi tahun 2011 dapat diterangkan kepada para hadirin. Pada masa yang sama juga, MAIPk dapat menerima maklum balas daripada hadirin bagi meningkatkan proses dan kelancaran pengagihan zakat bagi tahun 2012.

Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan memberikan penerangan mengenai prestasi semasa pungutan dan agihan zakat. Beliau menerangkan bahawa sasaran pungutan dan agihan zakat bagi tahun 2011 berjumlah RM70 juta. Alhamdulillah, pada tahun 2011, MAIPk berjaya memungut zakat berjumlah RM86 juta manakala RM69 juta berjaya diagihkan. Salah satu faktor kejayaan ini adalah kerana kerjasama yang diberikan oleh media bagi menghebahkan kewajipan berzakat serta komitmen yang diberikan oleh Ahli-Ahli Jawatankuasa Baitulmal bagi mempertimbangkan banyak permohonan bantuan zakat.

Turut hadir pada program tersebut ialah Orang Besar Jajahan Hilir Perak, Orang Besar Jajahan Perak Tengah, Orang Besar Jajahan Batang Padang, Orang Besar Jajahan Manjung, Orang Besar Jajahan Kerian, Orang Besar Jajahan Kampar dan Orang Besar Jajahan Hulu Perak. Pada akhir program tersebut, setiap Ahli Jawatankuasa Baitulmal dan wakil media yang hadir menerima cenderamata daripada pihak MAIPk.

## **Program Hi-Tea** BERSAMA AHLI JAWATANKUASA BAITULMAL DAN MEDIA 2011



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
MAIPk SEDANG MENANAM  
POKOK BUNGA DI MASJID  
KG. GUA BADAK, LENGGONG.

## Program JAULAH ASNAF dekatil ASNAF FAKIR MISKIN

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) pada tahun 2011 menganjurkan program yang berkonsepkan turun padang iaitu Program Jaulah Asnaf ke daerah-daerah di negeri ini. Daerah yang terlibat ialah daerah Lenggong, Gerik, Pengkalan Hulu, Kampar dan Batu Gajah. Program ini merupakan program penyampaian bantuan dan ziarah ke rumah asnaf oleh Ahli-Ahli Jawatankuasa Baitulmal Daerah yang berkenaan dan Pegawai MAIPk dari Ibu Pejabat. Tindakan sebegini dapat memastikan bantuan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Baitulmal Daerah diterima oleh asnaf yang layak. Aktiviti ini dapat merapatkan hubungan di antara pihak MAIPk dengan penerima-penerima bantuan. Di samping itu, ahli rombongan juga menyampaikan bantuan pembangunan Islam kepada masjid atau surau yang mendapat kelulusan dari MAIPk. Mereka dapat mengetahui keperluan yang diperlukan oleh suatu masjid atau surau dalam daerah berkenaan.

Aktiviti menanam pokok juga diadakan di perkarangan masjid yang terlibat sejajar dengan titah DYTM Raja Muda Perak pada Persidangan Majlis Kali ke-176 pada bulan Julai yang lalu. Aktiviti menanam pokok disertai oleh Orang Besar Jajahan, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk dan Pegawai Daerah. Program Jaulah Asnaf ini juga turut disertai oleh Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat, Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung. Semoga penganjuran program ini dapat meningkatkan keyakinan masyarakat kepada aktiviti agihan yang dilakukan oleh MAIPk.



GAMBAR BAWAH DARI KIRI :

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIPk  
MENYERAHKAN REPLIKA KUNCI BANTUAN  
BINA RUMAH KEPADA PENERIMA BANTUAN  
DAERAH LENGGONG.

ORANG BESAR JAJAHAN HULU PERAK  
MENYERAHKAN BANTUAN TUNAI DAN BARANGAN  
DAPUR KEPADA PENERIMA BANTUAN DAERAH LENGGONG.



ORANG BESAR  
JAJAHAN KAMPAR  
MENYERAHKAN  
BANTUAN BARANGAN  
DAPUR KEPADA  
PENERIMA BANTUAN  
DAERAH KAMPAR.



## DATO' SHEIKH MOHAMAH NOR dilantik sebagai Pegawai Agama MAIPk

Bekas Pengarah Jabatan Agama Islam Perak, **Dato' Sheikh Mohamah Nor bin Mansor** telah dilantik sebagai Pegawai Agama MAIPk pada 16 September 2011. Pelantikan beliau telah mendapat perkenan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak sebagai Yang Dipertua MAIPk. Dato' Sheikh Mohamah Nor bin Mansor merupakan anak kelahiran Kg. Sungai Keli, Hutan Melintang, Perak. Beliau memulakan kerjaya sebagai Imam Besar Masjid Negeri Perak pada tahun 1981. Pada tahun 1987, beliau telah dilantik sebagai Ketua Unit Kariah, Jabatan Agama Islam Perak. Beliau kemudian telah dilantik sebagai Ketua Penolong Pengarah Bahagian Masjid pada tahun 1990 sehingga 2004 dan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah pada tahun 2005. Pada tahun 2009, beliau telah dilantik Pengarah Jabatan Agama Islam Perak menggantikan Dato' Jamry bin Sury.

Beliau mempunyai penglibatan yang luas di dalam masyarakat. Antaranya ialah menjadi Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak, hakim Tilawah Al-Quran di peringkat negeri dan kebangsaan, jemputan khas di dalam rancangan-rancangan televisyen dan Radio 3 Perak, panel Forum Perdana Ehwal Islam anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Pengerusi Persatuan Ulama' Malaysia Cawangan Perak dan Pengasas dan Pengerusi Lembaga Koperasi Masjid Perak KOMSAS Berhad.





GAMBAR SEBELAH :  
BARISAN TENAGA  
PENGGERAK SEKOLAH

GAMBAR SEBELAH KIRI :  
MURID-MURID SEDANG  
MENGIKUT KELAS  
PENGAJIAN

GAMBAR BAWAH KIRI :  
PARA PELAJAR SEDANG  
MEMBUAT LATIHAN SCARA  
BERKUMPULAN

GAMBAR BAWAH KANAN :  
HAJI HALIMIN BIN ABDOLAH

## SEKOLAH AGAMA RAKYAT ORANG ASLI NURUL HIDAYAH


**S**ekolah Agama Rakyat Orang Asli (SAROA) Nurul Hidayah yang terletak di Kampung

Kenang Baru, Jalong Tinggi, Sungai Siput merupakan satu-satunya Sekolah Agama Rakyat untuk Orang Asli. Sekolah ini merupakan salah sebuah sekolah yang mendapat bantuan dari MAIPk. Sekolah ini mempunyai visi untuk menjadi satu pusat yang akan dapat melahirkan anak-anak Orang Asli yang dapat menguasai ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah. Di samping itu, sekolah ini dapat melahirkan cerdik pandai, guru agama, imam, bilal, qari, qariah, tokoh alim ulama dan pendakwah dari kalangan masyarakat Orang Asli sendiri. Demi bergerak maju ke arah visi yang disasarkan, lima misi telah diketengahkan bagi menjayakan visi tersebut. Misi-misi tersebut ialah membina ilmu dan iman, menyuburkan keperibadian Islam, membangun fizikal dan mental berdasarkan Islam, menghidupkan amal dan ibadah serta mengukuhkan pegangan dan menyelamatkan generasi Islam.

Sekolah ini ditubuhkan pada November 1994 adalah dengan daya usaha dan kerjasama dari Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Perak dan menerima peruntukan dan perbelanjaan sepenuhnya dari MAIPk. Pada penubuhan

sekolah ini, seramai enam orang pelajar yang belajar. Pada tahun 2011, bilangan pelajar telah mencecah seramai 414 orang. Para pelajar sekolah ini mengikuti empat peringkat pembelajaran iaitu Penilaian Rendah Agama, Sekolah Rendah Agama Rakyat (Integrasi KAFA), Lanjutan Fardhu Ain (LFA) dan juga Pengajian Islam dan Dakwah. Di samping itu, para pelajar di sekolah ini juga dianugerahkan tiga sijil pada sepanjang pengajian mereka di sini iaitu Sijil Rendah Pengajian Islam (setaraf PMR), Sijil Tsanawī (setaraf SPM), dan juga Sijil Pengajian Islam (setaraf STPM).

Selain berteraskan pembelajaran akademik, pelajar-pelajar juga tidak ketinggalan terlibat dengan aktiviti-aktiviti ko-kurikulum yang disediakan bagi memastikan kecerdasan dan kecerdasan dari aspek fizikal. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti Akademi Al-Quran, nasyid, pertandingan mengarang skrip, pembelajaran Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris dan juga aktiviti pertanian dengan kerjasama dari Jabatan Pertanian. Di samping itu, para pelajar turut memberi sumbangan kepada masyarakat dengan mengetuai bacaan yasin, tahlil, khutbah Jumaat serta menjadi imam solat-solat fardhu, solat Jumaat dan juga solat hari raya. Hj. Halimin b. Abdolah, Mudir SAROA Nurul Hidayah, berharap agar lebih ramai anak-anak di kalangan Orang Asli yang belajar di sini layak dan berjaya untuk menyambung pengajian ke tempat yang lebih tinggi. Beliau juga berharap agar masih ramai lagi pihak yang sudi untuk menyalurkan apa juar sumbangan bantuan kepada sekolah ini dalam usaha untuk memastikan proses dakwah yang berjalan akan terus bergerak maju seiring dengan peredaran arus kemodenan zaman ini.





YB. PENASIHAT UNDANG-  
UNDANG NEGERI  
PERAK MEWAHLI  
ROMBONGAN DARI  
MAIPK MENYERAHKAN  
CENDERAMATA KEPADA  
PIHAK MAJLIS AGAMA  
ISLAM SELANGOR  
SEMPENA LAWATAN  
KERJA PADA  
13 SEPTEMBER 2011.



PARA PEGAWAI MAIPK IBU PEJABAT DAN DAERAH  
TAIPEI MENJAGA KAUNTER YANG DIBUKA SEMPENA  
PROGRAM KLINIK DR. ZAMBRY DI DAERAH TAIPING  
PADA 15 SEPTEMBER 2011.



AHLI KARIAH MASJID  
IMANIAH, BEMBAN  
SEDANG MENDENGAR  
TAKLIMAT ZAKAT YANG  
DISAMPAIKAN OLEH  
USTAZ HAZLAN BIN  
ASRIJAL PADA  
28 OKTOBER 2011.



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIPK BERTUKAR MOU  
PEMBINAAN MENARA TELEKOMUNIKASI DI ATAS TANAH-TANAH  
MILIK MAIPK DENGAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH  
PROSONTECH SDN. BHD. PADA 31 OKTOBER 2011.



EKSEKUTIF ZAKAT, USTAZ MUNAWIR BIN MOHAMED  
NOH MENYERAHKAN BANTUAN BARANGAN  
DAPUR KEPADA PENERIMA BANTUAN DAERAH  
GERIK SEMPENA PROGRAM JAULAH ASNAF YANG  
DIADAKAN PADA 18 NOVEMBER 2011.



ASNAF DAERAH PENGKALAN HULU YANG MENERIMA BANTUAN MODAL DARI  
MAIPK MENJUAL PRODUK YANG DIBUATNYA SAMBIL DIPANTAU OLEH PEGAWAI  
BAITULMAL DAERAH PENGKALAN HULU PADA 23 NOVEMBER 2011.



MAIPK MENERIMA ZAKAT  
PERNIAGAAN BERJUMLAH  
RM78,138.00 DARIPADA  
AGRO BANK PADA  
26 NOVEMBER 2011.



PARA PEGAWAI MAIPK SEDANG  
MENDENGAR TAKLIMAT YANG DIBERIKAN  
OLEH KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
PERBADANAN BAITULMAL NEGERI SABAH  
PADA 29 NOVEMBER 2011.



KPSU MAIPK MENERIMA CENDERAMATA  
DARIPADA TIMBALAN SETIAUSAHA MAJIS  
UGAMA ISLAM SABAH SEMPENA LAWATAN KERJA  
MAIPK KE MUIS PADA 29 NOVEMBER 2011.



AHLI-AHLI ROMBONGAN LUJNAH ULAMA' SELATAN THAILAND  
BERGAMBAR DENGAN PEGAWAI AGAMA MAIPK SETELAH USAI  
DIALOG ANTARA KEDUA-DUA PIHAK DI AUDITORIUM KOMPLEKS  
ISLAM DARUL RIDZUAN PADA 16 DISEMBEN 2011.



PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN OLEH AFFIN  
BANK BERHAD BERJUMLAH RM326,000.00  
KEPADА MAIPK PADA 21 DISEMBEN 2011



YBHGS. PEGAWAI AGAMA MAIPK, DATO' SHEIKH  
MOHAMAH NOR BIN MANSOR SEDANG MENYAMPAIKAN  
PENGISIAN DI DALAM SATU FORUM YANG DIANJURKAN  
OLEH SURAU DIRI JUMAAT, KG. TERSUSUN, BUNTONG  
DENGAN KERJASAMA MAIPK PADA 23 DISEMBEN 2011.



## Jamuan Hari Raya 'Aidilfitiri 1432H

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

**KUALA KANGSAR:** Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan satu majlis Jamuan Hari Raya 'Aidilfitri 1432H di Sekolah Agama Rakyat Nurul Hidayah, Kg. Kenang Baru, Jalong Tinggi, Sungai Siput, Perak. Majlis ini diadakan dengan kerjasama pengurusan SAR Nurul Hidayah. Majlis ini dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan, YB. Lintang, Datuk Ahamad bin Pakeh Adam, Pegawai-Pegawai MAIPk, warga SAR Nurul Hidayah, penghulu Sungai Siput, ketua-ketua kampung dan penerima-penerima bantuan sekitar kawasan tersebut.

Majlis ini merupakan julung kalinya diadakan di SAR Nurul Hidayah. Rata-rata penduduk sekitar merupakan masyarakat orang Asli. Majlis ini

diadakan bertujuan untuk mengerakkan ukhuwah di antara pihak MAIPk dengan penduduk setempat. Kehadiran pihak MAIPk melalui majlis yang diadakan bukan sekadar menyerahkan bantuan bahkan dapat membantu masyarakat sekitar mengenali dengan lebih mendalam mengenai agama Islam. Selain itu, warga MAIPk dapat mengenali dengan lebih dekat mengenai sekolah agama yang menjadi pusat pengajaran dan pendidikan agama Islam kepada masyarakat sekitarnya sejak tahun 1990-an lagi. Sekolah ini telah melahirkan ramai generasi muda yang cekik al-Quran dan agama Islam.

Dalam majlis tersebut telah berlangsung penyerahan bantuan bulanan kepada penerima-penerima bantuan. Di samping itu, para tetamu dan hadirin dihiburkan dengan persembahan nasyid daripada kumpulan nasyid sekolah agama



tersebut. Sebelum majlis bersurau, para tetamu dan hadirin telah menjamu selera pelbagai makanan dan kuih muih yang disediakan. Semoga dengan penganjuran majlis ini memberi banyak kebaikan kepada para tetamu dan hadirin.



## PERBANDINGAN PUNGUTAN & AGIHAN ZAKAT 2010 DAN 2011

### PUNGUTAN ZAKAT\*

	2010	2011
Zakat Fitrah	7.67 juta	7.82 juta
Zakat Harta	32.98 juta	38.85 juta
Zakat Perniagaan	26.86 juta	36.89 juta
Zakat Tanaman	2.78 juta	2.55 juta
<b>Jumlah</b>	<b>70.29 juta</b>	<b>86.11 juta</b>

\* Angka-angka yang ditunjukkan bagi tahun 2011 belum diaudit

### AGIHAN ZAKAT\*

	2010	2011
Amil	7.69 juta	8.45 juta
Fakir & Miskin	35.16 juta	37.78 juta
Muallaf	2.05 juta	2.14 juta
Ghorimin	0.32 juta	0.61 juta
Ibnu Sabil	0.59 juta	0.87 juta
Fisabilillah	19.42 juta	19.55 juta
<b>Jumlah</b>	<b>65.23 juta</b>	<b>69.40 juta</b>

## BILANGAN PENERIMA BANTUAN BULANAN MENGIKUT DAERAH TAHUN 2011

Daerah	Bilangan
Ipoh	866 orang
Batu Gajah	204 orang
Seri Iskandar	263 orang
Kg. Gajah	156 orang
Manjung	343 orang
Teluk Intan	825 orang
Tapah	156 orang
Slim River	110 orang
Kampar	385 orang

Daerah	Bilangan
Selama	305 orang
Taiping	710 orang
Bagan Serai	320 orang
Parit Buntar	417 orang
Kuala Kangsar	443 orang
Lenggong	133 orang
Gerik	78 orang
Pengkalan Hulu	59 orang

\* Jumlah perbelanjaan sepanjang tahun 2011 adalah RM13,986,198.00

## SEBAHAGIAN DARIPADA 387 ORANG PENERIMA BANTUAN BINA DAN BAIK PULIH RUMAH BAGI TAHUN 2011

Bil.	Nama	Jum. Bantuan (RM)	Bil.	Nama	Jum. Bantuan (RM)			
<b>BINA RUMAH</b>								
<b>I) DAERAH IPOH</b>								
1.	Hanishah binti Khamid	33,000.00	16.	Jamaluddin bin Abbas	33,000.00			
2.	Jamaliah binti Anan	33,000.00	17.	Arbakyah binti Mastor	33,000.00			
3.	Razali bin Ibrahim	33,000.00	<b>V) DAERAH SERI ISKANDAR</b>					
4.	Jaffri bin Juhari	33,000.00	18.	Nordin bin Omar	33,000.00			
5.	Ismail bin Mat Sharie	28,500.00	19.	Hasmah binti Arshad	33,000.00			
6.	Abdul Wahab bin Murzuki	28,500.00	20.	Mohd Yacob bin Hairi	33,000.00			
<b>II) DAERAH BATU GAJAH</b>								
7.	Samsul Bahari B. Yang	33,000.00	21.	Abdul Haris bin Wahit	33,000.00			
8.	Esah Bt. Pandak	33,000.00	22.	Hasdila bt Mat Nasir	33,000.00			
9.	Patemah Bt. Muhard Tasek	33,000.00	23.	Rodeah bt Ismail	33,000.00			
<b>III) DAERAH KG. GAJAH</b>								
10.	Ali bin Samion	33,000.00	<b>VIII) DAERAH SELAMA</b>					
11.	Kamalasari binti Idris	33,000.00	24.	Abd Rahim B. Ali	33,000.00			
12.	Abu Bakar bin Shaari	33,000.00	25.	Rosli B. Othman	33,000.00			
<b>IV) DAERAH MANJUNG</b>			26.	Sarina Bt Nordin	33,000.00			
13.	Ku Rosli bin Ku Aziz	33,000.00	<b>IX) DAERAH GERIK</b>					
14.	Embon bin Mat Daei	33,000.00	27.	Abd Manan Bin Abd Hamid	33,000.00			
15.	Robiah binti Ishak	33,000.00	<b>X) DAERAH LENGGONG</b>					
<b>BAIK PULIH RUMAH</b>								
<b>A) DAERAH IPOH</b>								
1.	Habibi binti Rahim	15,000.00	13.	Mohd Zubir bin Elias	10,000.00			
2.	Mohd Radhil bin Ahmad Junid	15,000.00	14.	Khalijah binti Aripi	8,000.00			
3.	Arif bin Taib	12,000.00	15.	Radzuan bin Yaakob	5,000.00			
<b>B) DAERAH BATU GAJAH</b>								
4.	Tajuddin B. Mat Zam	12,000	<b>F) DAERAH TELUK INTAN</b>					
5.	Hanifah Bt. Awang	10,000	16.	Sarpiah binti Idris	10,000.00			
6.	Othman B. Yusof	10,000	17.	Nazri bin Othman	10,000.00			
<b>C) DAERAH KG. GAJAH</b>			18.	Mohamad Izam bin Sali	10,000.00			
7.	Salabiah binti Epas	10,000.00	<b>G) DAERAH TAPAH</b>					
8.	Sharuddin bin Imok	10,000.00	19.	Nor Azlinda bt Abdul Aziz	10,000.00			
9.	Shuhaimi bin Abd Hamid	10,000.00	20.	Jamaluddin bt Megat Ramli	10,000.00			
<b>D) DAERAH MANJUNG</b>			21.	Tasiah bt Ahmad	10,000.00			
10.	Ibrahim bin Awang	12,000	<b>H) DAERAH SELAMA</b>					
11.	Ismail bin Nik	12,000	22.	Rosdi B. Mohammad	12,000.00			
12.	Adrus bin Ahmad	12,000	23.	Razali B. Abdullah	10,000.00			
24.	Rejab B. Che Ya	10,000.00						

\* Jumlah perbelanjaan sepanjang tahun 2011 adalah **RM6,993,135.25**

## SEBAHAGIAN DARIPADA 111 ORANG PENERIMA BANTUAN MODAL BAGI TAHUN 2011

Bil.	Nama	Jum. Bantuan (RM)	Bentuk Bantuan	Bil.	Nama	Jum. Bantuan (RM)	Bentuk Bantuan				
<b>A) DAERAH IPOH</b>											
1.	Abd Karim bin Abdullah	11,900.00	Penternakan kambing	30.	Sharif bin Darus	19,000.00	Sampan, enjin dan pukat				
2.	Jamaludin bin Ishak	11,000.00	Perniagaan percetakan	31.	Yahya bin Tahir	16,000.00	Sampan, enjin dan pukat				
3.	Muzat bin Yang	8,700.00	Modal sekaligus	32.	Hussain bin Karim	13,800.00	Sampan dan enjin				
4.	Rosdi bin Mohd Yunus	7,700.00	Mesin proses santan	33.	Rolian binti Hamid	6,000.00	Sampan				
5.	Othman bin Sharif	6,990.00	Modal sekaligus	34.	Abdul Manab bin Harun	5,900.00	Sampan, enjin, dan pukat				
6.	Azhar bin Itam	5,500.00	Modal sekaligus	35.	Shamsul Baharin bin Mohamed	5,000.00	Peralatan perniagaan				
7.	Nor Effendy bin Mat Nor	5,000.00	Ternakan ikan	36.	Adnan bin Mahmud	5,000.00	Peralatan bermiaga soya				
8.	Nor Faizah binti Mat Nazir	4,350.00	Mesin adun makanan	37.	Mohd Nazri bin Salleh	5,000.00	Peralatan kedai makan				
9.	Shuhaimi bin Mohd Saleh	4,100.00	Mesin jahit	38.	Norfaizah binti Mat Nazir	4,350.00	Mesin mengadun makanan				
10.	Alias bin Abu Talib	4,100.00	Mesin jahit	39.	Kamaruzaman bin Ahmad	3,000.00	Peralatan bermiaga sate				
11.	Faridah binti Mat Dali	3,500.00	Perniagaan gerai	<b>E) DAERAH SERI ISKANDAR</b>							
12.	Nasharuddin bin Md Aris	3,000.00	Perniagaan gerai	40.	Zahari bin Mat Ganti	9,800.00	Mesin perah santan				
13.	Shahrina binti Hashim	2,918.00	Perniagaan dobi	41.	Mohd Irwan Lau bin Abdullah	7,000.00	Peralatan memasak				
14.	Syed Jalaludin bin Syed Ibrahim	2,900.00	Mesin tebu & generator	42.	Mahani binti Abd Kadir	5,150.00	Mesin jahit				
15.	Abdullah Sani bin Abu Hassan	2,900.00	Mesin Pemotong Kayu	43.	Nor Effendi bin Mat Nor	5,000.00	Ternakan Ikan Ketutu				
16.	Mohd Shaharum bin Nordin	2,700.00	Modal sekaligus	44.	Alias bin Abu Talib	4,100.00	Mesin jahit				
17.	Mokhtar bin Abdullah	2,600.00	Perniagaan gerai	<b>F) DAERAH TELUK INTAN</b>							
18.	Sariah binti Othman	2,000.00	Kereta tolak	45.	Azli bin Ahmad	2,500.00	Mesin pengguli tepung dan mesin ais kacang				
19.	Mohd Yusof bin Mohd Hassan	2,000.00	Mesin jahit	46.	Siti Musalmah bt Mohamad	1,095.70	Peralatan elektrik				
20.	Hamsan bin Rajuly	1,545.00	Mesin jahit	<b>G) DAERAH TAPAH</b>							
21.	Mariati binti Hamzah	1,500.00	Perniagaan gerai	47.	Rohani Bah Tundak	5,000.00	Gerai burger				
22.	Munah binti Alang Saikh	1,400.00	Mesin uli tepung	48.	Rosli b Ismail	5,000.00	Mesin kimpalan				
23.	Noraina binti Abdul Rahim	1,000.00	Perniagaan gerai	49.	Zabidah bt Ismail	500.00	Mesin ABC				
<b>B) DAERAH BATU GAJAH</b>											
24.	Md. Nordin B. Norpiah	5,000.00	Modal dan peralatan perniagaan	<b>H) DAERAH SELAMA</b>							
25.	Idrus B. Khamis	3,100.00	Mesin rumput dan gergaji	50.	Khairul Mazidah Bt Mohd Che Wan	5,000.00	Peralatan memasak				
26.	Aman Shah B. Abdul Karim	1,000.00	Mesin rumput dan perkakasan	<b>I) DAERAH LENGGONG</b>							
<b>C) DAERAH KG. GAJAH</b>											
27.	Shikh Harin bin Sudin	16,000.00	Enjin, bot dan pukat	51.	Mohd Niza b. Shaari	5,000.00	Baikpulih gerai				
28.	Ramli bin Ismail	16,000.00	Enjin, bot dan pukat	<b>J) DAERAH PENGKALAN HULU</b>							
29.	Maimunah binti Abd Hamid	10,000.00	Peralatan warung	52.	Abd Karim bin Abdullah	11,900.00	Ternakan kambing dan kandang				

\* Jumlah perbelanjaan sepanjang tahun 2011 adalah  
**RM656,146.30**

## SEBAHAGIAN DARIPADA 178 ORANG PENERIMA BANTUAN PERUBATAN BAGI TAHUN 2011

Bil.	Nama	Jum. Bantuan (RM)	Bentuk Bantuan	Bil.	Nama	Jum. Bantuan (RM)	Bentuk Bantuan				
<b>A) DAERAH IPOH</b>											
1.	Ma Guiqin Aisyah	29,000.00	Pembedahan Jantung	26.	Ismail bin Tawab	9,350.00	Membekal ACLDB Reconstruction dan Meniscal Repair Package				
2.	Varusai Naina A/L VK Abdul Tahir	7,500.00	Implan	27.	Azraai bin Isa	6,180.00	Pembedahan Jantung				
3.	A.Halim bin Bahari	6,000.00	Alat Pernafasan	28.	Mohd Razali bin Omar	3,000.00	Membekal Peralatan Pembedahan				
4.	Mahmud bin Hj Talib	3,900.00	Kaki Palsu	29.	Baharuddin bin Ahmad	830.00	Penyedut Kahak dan Tilam Khas				
5.	Syed Ali bin Syed Mohd	3,080.00	Peralatan Perubatan	30.	Slasiah binti Mat Sharif	700.00	Kanta Implan				
6.	Mohamad Rozi bin Rasit	1,700.00	Pembedahan Mata	31.	Saodah binti Nongking	650.00	Kanta Implan				
7.	Zainol Abidin bin Mia	1,600.00	Tilam Perubatan	32.	Mohd Yusri bin Mustajab	596.00	Implan Plet dan Skru (Rahang)				
8.	Nor Asmah binti Yakob	1,500.00	Pembedahan Gigi	33.	Kamarudin bin Zakaria	500.00	Kanta Implan				
9.	Abdul Jalil bin Ismail	1,500.00	Implan	34.	Siti Misjanti binti Mohamed Noor	500.00	Kanta Implan				
10.	Mohamad Nor bin Baharum	1,400.00	Katil dan Tilam Khas	35.	Rosli bin Nordin	490.00	Kanta Implan				
<b>B) DAERAH BATU GAJAH</b>											
11.	Shadan B. Md. Noor	35,000.00	Pembedahan Jantung Isteri	36.	Nor b. Salleh	10,000.00	Bayaran Pembedahan				
12.	Mohd Fairus Shah B. Ab. Rashid	15,000.00	Pembedahan Anak (Jantung Berlubang)	37.	Mohd Wazir b. Abdul Rashid	700.00	IQ Lens				
13.	Abdul Rahim B. Mazlan	9,000.00	Pembedahan Mata	38.	Halim b. Sabanah	470.00	Bayaran Bil Hospital				
14.	Azhar B. Salleh Holdin	9,000.00	Menggantikan Kaki Palsu yang telah rosak	<b>G) DAERAH SELAMA</b>							
15.	A. Halim B. Bahari	6,000.00	Alat Bantuan Pernafasan	39.	Suryani Bt Abd Manan	6,000.00	Pembedahan untuk kurangkan obesiti				
16.	Shuhaimi B. Sirun	1,600.00	Pembelian Tilam Khas untuk anak	40.	Mat Yatim B. Che Teh	2,850.00	Alat Pendengaran				
17.	Kamariah Bt. Nee'mat	575.00	Pembelian Kerusi Roda	41.	Kamariah Bt Harun	675.00	Kanta mata				
<b>C) DAERAH KG. GAJAH</b>											
18.	Halijah binti Harun	1,500.00	Pembedahan Penukaran Injap Jantung	42.	Ramli B. Mat Zim	460.00	Kanta mata				
19.	Muhammad Rahmad Kamaruddin bin Harun	596.00	Pembelian Implan Plat dan Screw	43.	Rabiatut Adawiah Bt Othman	450.00	Tilam Khas				
20.	Bidin bin Abdul Aziz	500.00	Pembedahan mata	<b>H) DAERAH GERIK</b>							
<b>D) DAERAH MANJUNG</b>											
21.	Sarah Adilla Binti Mohd Shabudin	37,500.00	Kaki palsu	44.	Mohammad Azroy Bin Embi	6,500.00	Implant kaki				
22.	Mohamad Amirul Hapis Bin Abdul Samad	6,000.00	Pembedahan kaki	45.	Sulaiman Bin Majid	442.00	Rawatan Buah Pinggang				
23.	Salim Bin Bharum	1,960.00	Suntikan epxrex	46.	Naznan B. Md Ali	5,000.00	Rawatan Kencing Manis				
24.	Mariaton Binti Arifin	1,960.00	Suntikan epxrex	47.	Zainu Bin Sulaiman	2,000.00	Rawatan di IJN				
25.	Piyah Binti Sarpanei	1,960.00	Suntikan epxrex	<b>I) DAERAH SERI ISKANDAR</b>							
* Jumlah perbelanjaan sepanjang tahun 2011 adalah RM1,123,049.90											
48.	Omar Afsaini bin Abd. Hamid	4,900.00	Pembedahan Implan								
49.	Kamaruzzaman bin Isa	932.00	Pembedahan Implan								
50.	Fauziah binti Mohamad Ghazali	25.00	Kimoterapi								

## BENGKEL DAN LATIHAN UNTUK PEKHIDMAT MAIPk 2011

**U**nit Khidmat Pengurusan, Bahagian Khidmat Pengurusan MAIPk telah menganjurkan program-program latihan seperti kursus, latihan, dan juga bengkel untuk setiap pekhidmat MAIPk bagi memastikan peningkatan kualiti perkhidmatan dan prestasi pekerjaan sepanjang tempoh perkhidmatan di organisasi ini.

Bagi sepanjang tahun 2011, sebanyak 26 kursus telah berjaya dikendali dan dilaksanakan yang mana pesertanya adalah terdiri daripada kalangan pihak kakitangan pengurusan dan profesional dan juga kakitangan sokongan. Antara kategori kursus-kursus yang disasarkan adalah seperti kursus peningkatan kualiti

perkhidmatan dengan kerjasama agensi atau perunding luar termasuk kursus secara berkala berkaitan perkhidmatan dan kewangan (untuk setiap pekhidmat MAIPk) dan juga Induksi Khusus untuk pekhidmat MAIPk lantikan baru bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan. Selain itu, terdapat juga kursus untuk Mubaligh Islam dan Guru Al-Quran yang dijalankan oleh pihak pengurusan MAIPk.

Antara kursus yang telah dijalankan adalah seperti Kursus Open Office Siri I dan II, Kursus Protokol dan Etiket Khas, Kursus Asas Fotografi (DSLR), Kursus Bahasa Melayu, Kursus Bina Insan, Kursus Perkhidmatan 4: Integriti, Kursus Teknik Pendekatan Dakwah kepada Mubaligh, Kursus Penulisan

Rasmi, Kursus Power Point, dan Kursus Guru Al-Quran.

Selain itu, tidak ketinggalan juga bengkel-bengkel yang diadakan bagi mengasah dan mempertajamkan kebolehan-kebolehan yang mencakupi modal dan kemahiran insaniah yang perlu diterap dalam diri setiap penjawat awam seperti Bengkel KPI (*Key Performance Indeks*), Bengkel Penerimaan Hasil, Bengkel Kepimpinan Altruistik, Bengkel Etiket Pemakaian, Bengkel Pengurusan Aset, Bengkel MPK & FM Bah. BKP, Bengkel Pemurnian MPK & FM (MAIPk), Bengkel Penyelenggaraan Pesanan Kerajaan dan Baucer Bayaran, Bengkel Kewangan Siri 4 Terimaan Hasil dan Siri 5 Akaun Pelbagai, Bengkel MPK dan FM- Siri 3, dan juga Bengkel Perkhidmatan Siri 5- Fail Meja.

Disamping itu, Latihan Sistem (Eps) dan juga Latihan Sistem BKPI juga dijalankan dalam usaha memastikan setiap kakitangan awam di organisasi ini dapat menjalankan khidmat yang terbaik demi memenuhi kepuasan pelanggan.

## BENGKEL AMIL PROFESIONAL

amil yang dilantik. Bengkel ini telah dirasmikan oleh KPE MAIPk, YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhwan.

Tujuan bengkel ini diadakan bagi mendedahkan kepada para peserta mengenai kaedah pengiraan zakat perniagaan. Di samping itu, para peserta didedahkan dengan motivasi bagi memasarkan kewajipan berzakat terhadap individu muslim atau syarikat yang layak dikeluarkan zakat.

Satu kajian mengenai potensi zakat perniagaan telah dilakukan pada

tahun 2007 menunjukkan bahawa masih banyak syarikat kecil, sederhana dan besar dalam Negeri Perak belum melaksanakan kewajipan berzakat. Namun begitu, saban tahun, jumlah pungutan zakat perniagaan meningkat menunjukkan semakin banyak syarikat membayar zakat. Bengkel ini diadakan kepada amil-amil profesional agar pada tahun 2012, mereka akan bergerak lebih agresif mendekati syarikat-syarikat bagi meningkatkan pungutan zakat perniagaan.



**05 DISEMBER** – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) telah menganjurkan satu bengkel iaitu Bengkel Amil Profesional pada 5 dan 6 Disember 2011 bertempat di Hotel Heritage, Ipoh, Perak. Seramai lebih kurang 40 orang peserta yang menghadiri bengkel tersebut yang mana pesertanya terdiri dari kalangan amil-



# Jawatankuasa **BAITULMAL TERTINGGI**

**M**ajlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak mempunyai tiga peringkat jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Baitulmal Tertinggi, Jawatankuasa Baitulmal Pertengahan dan Jawatankuasa Baitulmal Daerah bagi membincangkan permohonan-permohonan bantuan zakat. Info Majlis kali ini membicarakan mengenai Jawatankuasa Baitulmal Tertinggi. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, serta dianggotai oleh tujuh ahli lain dengan komposisi keahlian yang menggabungkan Anggota MAIPk dan para pegawai kerajaan di kalangan kakitangan MAIPk dan JAIPk.

Bidang tugas dan tanggungjawab jawatankuasa ini ialah mempertimbangkan dan membuat keputusan terhadap permohonan bantuan zakat sama ada melibatkan kes baru atau kes rayuan, di bawah kategori asnaf Amil, Fakir, Miskin, Ghorimin, Ibnu Sabil, Muallaf dan Fisabilillah. Selain perbelanjaan di bawah peruntukan zakat, jawatankuasa ini juga bertanggungjawab meluluskan perbelanjaan di bawah peruntukan sumber am baitulmal dan wakaf. Perbelanjaan yang dibenarkan untuk jawatankuasa ini tidak melebihi RM1 juta. Selain itu juga, jawatankuasa ini bertindak sebagai badan pengawal dan pemantau bagi pengurusan wakaf di negeri ini termasuklah kawalan selia, kawalan keselamatan, penyelenggaraan dan pungutan hasil wakaf.

Sepanjang tahun 2011, jawatankuasa ini telah menjalankan mesyuarat sebanyak lima belas (15) kali. Jawatankuasa ini telah mempertimbangkan 1,533 permohonan. Daripada jumlah permohonan tersebut, sebanyak 789 permohonan mendapat kelulusan. Berikut merupakan senarai anggota Jawatankuasa Baitulmal Tertinggi:

Bil	Nama	Jawatan
1.	<b>Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhwan</b> Ketua Pegawai Eksekutif	Pengerusi
2.	<b>Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria</b> Mufti Negeri Perak	
3.	<b>Dato' Sheikh Mohamah Nor bin Mansor</b> Pegawai Agama MAIPk	
4.	<b>Tuan Haji As'ad bin Awang</b> Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak	
5.	<b>Encik Mohd Haidi bin Sulaiman</b> Ketua Penolong Setiausaha, MAIPk	Ahli
6.	<b>Tuan Haji Zakaria bin Abd. Razak</b> Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga Islam Jabatan Agama Islam Perak	
7.	<b>Encik Rohizan bin Omar</b> Penolong Setiausaha Bahagian Hartanah, MAIPk	
8.	<b>Encik Ariff bin Apandi</b> Akauntan, MAIPk	
9.	<b>Ustaz Bakri bin Lee</b> Penolong Setiausaha Bahagian Zakat, MAIPk	Setiausaha

## RINGKASAN KEPUTUSAN JUMLAH BANTUAN YANG DILULUSKAN BAGI TAHUN 2011

BIL.	ASNAF	JUMLAH PERMOHONAN	JUMLAH KELULUSAN	
			LULUS	TOLAK
1.	GHORIMIN	47	22	25
2.	MUALLAF	7	5	2
3.	FAKIR	211	84	127
4.	MISKIN	649	281	368
5.	IBNU SABIL	15	13	2
6.	DERMASISWA	603	383	220
7.	ANAK YATIM	1	1	-
<b>JUMLAH</b>		<b>1,533</b>	<b>789</b>	<b>744</b>